

**Poligami: Pengalaman dari Perspektif Isteri Pertama**  
***(Polygamy: Experience from First Wife's Perspective)***

Nasrudin Subhi\*<sup>1</sup>

Nurul Hidayah Mohd Nasir

Muhammad Ajib Abd Razak<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Faculty of Social Sciences and Humanities*

*The National University of Malaysia*

\*Corresponding e-mail: [nas2572@ukm.edu.my]

Polygamy is one of the family systems being practiced in Malaysia. The total number of men who practiced polygamy is increasing every year. In general, society has always viewed the experience of polygamy from a negative perspective particularly through the experience of the first wife. Thus the objective of this study is to explore the experiences from the perspective of the first wife towards full acceptance. The exploration focuses on elements of feeling, cognitive and behaviour. This research used the case study approach. Data was collected using semi-structured interview. Respondents consisted of three first wives aged 35, 43 and 57. Results showed that time are of an essence towards achieving full acceptance in polygamy. In terms of feelings two themes emerged which are jealousy and do not care. As for cognitive, three themes emerged in terms of their thinking position included positive, negative and contemplation. While their behaviours showed signs of aggression, passive and changing towards becoming a better person. The research finds that the first wives did experience significant impact particularly on their feelings, cognitive and behaviours which could affect their mental health status if not taken cared for properly. Therefore, or those intending to practice polygamy support from the husband and openness in the marriage are seen as important factors that needs to be taken into practice. The findings from this study are also hoped to assist counsellors and therapists to better understand polygamy thus becoming more competent in helping those in need.

*Keywords:* Polygamy, experience, first wife

Poligami bukan lagi isu yang umum di Malaysia. Pengamal poligami juga semakin meningkat dan berkembang di serata dunia seperti Timur Tengah, Afrika Utara, Asia Barat dan sesebuah kawasan di Eropah dan Amerika Utara (Al-Krenawai, Graham, & Jacobsen, 2006). Poligami ditakrifkan sebagai sebuah perkahwinan di mana seorang suami mempunyai lebih dari seorang isteri (Kyara, 2013; Ozer, Orham & Ekerbicer, 2013). Berbeza dengan monogami, yang hanya melibatkan perkahwinan antara suami dengan seorang isteri sahaja (Al-Krenawi, 2012). Poligami dibenarkan oleh undang-undang dalam kebanyakan negara Islam tetapi tidak dibenarkan dalam kebanyakan negara barat (Al-Krenawi, Graham & Al-Krenawi, 1997). Poligami sering mendapat kecaman, persepi negatif dan kontroversi serta menjadi isu-isu perdebatan dari segi tujuan berpoligami, hak wanita, maruah, keadilan, undang-undang dan sebagainya. Kajian Azizah Kasim (1985) menunjukkan reaksi golongan lelaki terhadap poligami adalah positif dan menerima secara terbuka, manakala, golongan wanita memberikan respons menolak dan mengkritik amalan tersebut. Penolakan terhadap poligami juga sering dikaitkan dengan gerakan atau badan pertubuhan wanita seperti feminisme yang menuntut hak sama rata bagi wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki (Raihanah Abdullah, 1997). Persepsi sebegini bersifat paradoksikal kerana di satu pihak Islam dilihat meletakkan keadilan sebagai tunjang nilai dalam memahami etika dan moraliti namun sebaliknya menghalalkan poligami yang dianggap menguntungkan lelaki berbanding wanita (Mohd Zariat, 2008).

Tindakan suami untuk berpoligami memberikan pelbagai reaksi dan implikasi kepada kefungsi rumah tangga. Keputusan untuk berpoligami merupakan suatu proses yang rigid untuk diterima oleh isteri. Tidak semua isteri yang hidup dalam kehidupan monogami bersikap terbuka untuk melalui transisi kepada kehidupan berpoligami. Kajian mendapati, wanita yang hidup berpoligami khususnya isteri pertama mengalami masalah psikososial, ekonomi dan kesihatan mental yang merosot (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008; Daradkeh et al., 2006). Isteri pertama juga lebih berisiko mengalami tahap konsep sendiri yang rendah dan hubungan yang bermasalah dengan suami (Al-Krenawi, 1999), kepuasan perkahwinan yang rendah dan kurang mendapat sokongan suami (Gwanfogbe et al., 1997) serta cenderung mempunyai emosi yang negatif walaupun menerima poligami dalam kehidupan mereka (Provytantini, 2007). Ini mungkin disebabkan penerimaan mereka adalah dalam keadaan keterpaksaan iaitu menyedari mereka telah berpoligami setelah rahsia suami berkahwin lain terbongkar.

Kajian lepas juga mendapati, poligami yang berkonflik dan bermasalah berpunca daripada persepsi isteri pertama yang masih berasa marah dan bermusuhan dengan isteri kedua (Nevo-Slonim & Al-Krenawi, 2006) mengalami masalah kefungsi keluarga dan kepuasan hidup yang rendah (Al-Krenawi, 2012) dan ketidakfungsi sosial (Al-Sherbiny, 2005). Kebanyakan kajian lepas menunjukkan isteri pertama sering mengalami kehidupan yang sukar untuk memulakan fasa awal berpoligami yang mana mereka mengalami kesukaran

psikologikal dalam menyesuaikan diri dan berisiko mempunyai perasaan paranoid (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008). Kefahaman terhadap poligami ini banyak dipengaruhi daripada pengaruh sekeliling termasuk pembacaan novel. Mohd Zariat (2008) menerusi kajian terhadap dua karya penulis terkenal tanahair turut mendapati dua sisi berbeza tentang poligami yang cuba diketengahkan oleh penulis. Pastiya bergantung kepada novel mana yang dibaca oleh seseorang ia berkemungkinan terkesan dengan mesej yang disampaikan si penulis. Sehubungan itu, adalah penting untuk meneroka dan mengenal pasti secara lebih jelas dan mendalam tentang penyesuaian dan penerimaan isteri pertama terhadap keputusan suami untuk berpoligami.

Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman peringkat awal dalam kehidupan berpoligami dari perspektif isteri pertama. Secara lebih spesifik kajian ini cuba menyingkap penerimaan isteri pertama dari segi perasaan, kognitif dan tingkah laku apabila mengetahuinya suaminya telah berkahwin lain. Seterusnya mendalami kesan yang dialami oleh isteri pertama dalam konteks kesihatan mental serta pendekatan yang digunakan oleh isteri pertama dalam usaha untuk menerima poligami dalam kehidupan mereka.

### **Metod**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan bentuk kajian kes. Kaedah kualitatif merupakan pendekatan atau kaedah yang menjelaskan peristiwa dan fenomena yang tidak dapat dijelaskan melalui kaedah kuantitatif dan numerikal (Chua, 2014). Kajian kes

mbolehkan penyelidik melihat dengan teliti data yang ingin dikumpul dalam konteks yang tertentu (Zaidah, 2007). Ekoran itu, bilangan sampel yang dipilih adalah kecil dan sangat terhad, malah seorang responden boleh dijadikan sebagai subjek kajian. Yin (1984) mendefinisikan kajian kes sebagai penyelidikan yang empirikal bagi menyiasat isu atau fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan yang sebenar. Maka, tiga responden dalam kajian sudah cukup untuk diterokai dan difahami dengan lebih mendalam bagi mendapatkan data yang bersifat natural dengan pengalaman sebenar. Kajian ini telah melibatkan seramai tiga orang responden. Profil responden adalah seperti dalam Jadual 1. Penyelidik telah memilih jenis persampelan bertujuan yang merupakan salah satu prosedur persampelan bukan kebarangkalian. Responden dipilih berdasarkan kriteria berikut: (1) perkahwinan berstatus poligami dan (2) isteri pertama dalam perkahwinan poligami.

Kaedah temu bual separa berstruktur telah digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah merangka soalan-soalan yang berkaitan tentang isu yang ingin dikaji. Lokasi temu bual telah dijalankan di rumah responden berdasarkan persetujuan dan kelesaan responden dalam berkongsi pengalaman mereka. Proses temu bual mengambil masa selama satu hingga dua jam. Perakam audio digital telah digunakan untuk merakam temu bual responden.

Temu bual yang lengkap kemudiannya ditranskripsi untuk membentuk sebuah verbatim bagi tujuan analisis dapatan.

Verbatim yang lengkap dibaca berulang kali untuk difahami kandungan isinya. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema-tema yang kerap muncul berdasarkan kenyataan responden. Tema-tema yang berkaitan kemudiannya diguguskan membentuk tema yang lebih padu. Melalui analisis tema, pengakji mampu melaporkan pengalaman, makna dan realiti kehidupan (Braun & Clarke, 2006).

### Dapatan & Perbincangan

Hasil dapatan kajian dirumuskan kepada tema tertentu berdasarkan objektif kajian yang kajian yang dibina. Secara umumnya, penerimaan poligami dalam kalangan isteri pertama dibahagikan kepada tiga tema, iaitu penerimaan secara perasaan, kognitif dan tingkah laku. Terdapat dua jenis perasaan (cemburu dan perasaan tidak kisah) dan tiga jenis penerimaan dari segi kognitif (sukar untuk menerima, menerima secara positif dan negatif) yang timbul. Manakala, penerimaan dari segi tingkah laku, terdapat tiga jenis tingkah laku yang ditunjukkan, iaitu bertindak agresif/memukul madu, mendiamkan diri/redha dan mengubah sikap/penampilan. Manakala, kesan awal terhadap kesihatan mental selepas menjalani kehidupan berpoligami adalah (tertekan, bimbang, trauma dan murung). Manakala, pendekatan yang digunakan oleh isteri pertama untuk menerima poligami secara positif adalah dengan mendapatkan sokongan dalaman/luaran dan tidak melayani perasaan.

Jadual 1

#### Profil Responden Kajian

Responden (nama samaran)	Profil Sosio-Demografi
Azura	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berumur 57 tahun dan beragama Islam</li> <li>• Merupakan bekas guru.</li> <li>• Tempoh perkahwinan adalah 31 tahun, 17 tahun bermonogami dan 14 berpoligami.</li> <li>• Mempunyai tujuh orang anak.</li> </ul>
Fatimah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berumur 43 tahun dan beragama Islam</li> <li>• Bekas pensyarah di salah sebuah IPTA awam</li> <li>• Suami berumur 42 tahun</li> <li>• Tempoh perkahwinan adalah 19 tahun, 11 tahun bermonogami dan lapan tahun berpoligami.</li> <li>• Mempunyai lapan orang anak.</li> </ul>
Sarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berumur 35 tahun dan beragama Islam</li> <li>• Merupakan bekas guru</li> <li>• Mempunyai seorang anak</li> <li>• Tempoh perkahwinan adalah 14 tahun, 10 tahun bermonogami dan empat tahun berpoligami.</li> </ul>

## **Penerimaan Berpoligami Dari Segi Perasaan, Kognitif dan Tingkah laku.**

### **(a) Perasaan**

Hampton (2015) mendefinisi perasaan berasal dari kawasan neokortik otak, adalah asosiasi mental dan reaksi kepada emosi serta subjektif dipengaruhi oleh pengalaman, kepercayaan, dan kenangan peribadi. Apabila anda beremosi, perasaan terhasil sebagai gambaran mental tentang apa yang sedang berlaku di dalam tubuh anda. Perasaan adalah merupakan produk sampingan otak yang merasa dan memberi makna kepada emosi. Bermakna ia berlaku selepas mengalami emosi, melibatkan input kognitif, biasanya tidak sedar, dan tidak dapat diukur dengan tepat. Walaupun secara umum penggunaan perkataan perasaan dan emosi dilakukan secara silih berganti namun secara kasarnya perasaan berpunca di minda sedangkan emosi pula adalah tindak balas oleh tubuh badan. Emosi individu bersifat sementara namun perasaan yang terhasil daripadanya mungkin boleh dirasanya secara berpanjangan.

Dapatan kajian mendapati, ketiga-tiga responden merasai pengalaman perasaan yang berbeza semasa mengetahui suaminya telah berkahwin lain. Menurut Azura, beliau tidak mampu menjelaskan perasaan yang dirasai ketika itu, bak kata orang, "...dah macam tak ada apa-apa dah benda [kehadiran anak daripada perkahwinan kedua suami] tu..." Hal ini terjadi akibat sewaktu anak tersebut masih bayi suaminya telah membawa anak tersebut pulang ke rumah lantas meminta beliau menjaganya dengan alasan itu adalah anaknya. Sifat Azura yang patuh kepada suaminya

menyebabkan beliau tidak mempersoalkan perkara tersebut walaupun ada keraguan.

Seterusnya Azura menjelaskan tatkala beliau menjumpai sijil nikah perkahwinan kedua suami, anak kecil tadi telah pun berusia lima tahun. Ikatan yang telah terjalin antara beliau dengan anak ini yang selama ini dijaga rapi sedikit sebanyak telah mengurangkan kemarahan yang mungkin timbul dalam dirinya pada waktu tersebut;

...kata orang dah tak ada apa [perasaan] dah. Dah tawar dah. Dah tak ada apa. Kata orang, masa tu kan anak tu dah ada. Jadi bila jumpa surat [sijil nikah] tu bagi saya tak ada pun. Dia [suami] nak balik ke tak nak balik ke sudah [saya tidak kisah]. Saya dah ada kerjaya sendiri, anak-anak pun dah besar semua.

Berbeza dengan kes Fatimah, beliau terlibat dengan poligami setelah beliau sendiri yang mencadangkan suaminya untuk bernikah kali kedua. Cadangan ini diutarakan kepada suami setelah lapan tahun membina rumahtangga. Beliau sendiri telah mencari calon isteri buat suaminya yang mana merupakan teman baiknya. Hal ini terjadi disebabkan beliau ingin mencuba mengamalkan poligami rentetan pengalaman sewaktu belajar di Jordan yang mana ramai kenalan beliau sendiri yang turut mengamalkan poligami pada waktu tersebut. Walau pun beliau beranggapan dirinya kuat dan mampu untuk berpoligami namun hakikatnya sebagai seorang wanita beliau turut merasai turun naik emosi dalam diri di mana perasaan sedih dan marah silih berganti. Sebagai contoh, beliau merasa sedih apabila mengenangkan beliau terpaksa berkongsi kasih sayang suami lantas timbul

perasaan marah pada diri sendiri membenarkan suami berkahwin kali kedua;

...Nak kata tak ada rasa sedih tu tidak lah, rasa tu tetap bersilih-silih datangkan, berdebar, risau, sedih, macam-macam lah orang kata... Tapi dia bukan lah sepanjang masa, dia kadang-kadang je...

Bagi responden ketiga, Sarah, kali pertama suaminya menyatakan hasrat untuk berpoligami adalah lebih kurang setahun selepas melangsungkan perkahwinan. Pada waktu itu, Sarah baru lepas melahirkan anak pertama. Namun, pada waktu tersebut beliau telah menolak hasrat suaminya. Dari masa ke semasa suami masih menyuarakan hasrat untuk berpoligami. Hanya setelah di tahun ke 10 perkahwinan beliau telah terbuka hati untuk menerima poligami dengan syarat bakal isteri perlu sedar tentang tujuan berpoligami menurut Islam. Walau pun menerima poligami, namun sebagai wanita beliau akui tidak terlepas daripada merasai perasaan sedih dan cemburu. Namun, perasaan tersebut masih terkawal dan tidak ke arah mencetuskan pergaduhan bersama madunya;

...Walaupun saya kata saya terima, tapi ada rasa cemburu. Memang cemburu lah. Kadang-kadang benda sikit je pun, tapi rasa macam besar sangat benda tu. Kalau kata waktu giliran suami dengan saya, tapi [suami] ada call atau mesej madu [lantas] saya kadang-kadang akan cemburu jugak. Tak suka la, marah la. Tapi marah tu tak ada la sampai nak bergaduh macam tu...

Dapatan kajian ini selari dengan Shepard (2013), yang mana, wanita berpoligami akan mengalami gangguan emosi yang boleh

menjurus ke arah kualiti kesihatan mental yang merosot. Emosi dan perasaan yang dialami seperti marah, sedih dan cemburu boleh mencetuskan konflik dan krisis di dalam keluarga. Lantas, rasa kegembiraan dan kebahagiaan dalam berpoligami akan sukar dicapai (Merket, 2009; Troy, 2008). Ketiga-tiga responden yang ditemu bual merasai perasaan sedih dan marah serta berperasaan cemburu apabila melibatkan madu. Namun, bagi mereka perasaan ini masih mampu dikawal bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Dapatan ini adalah sama seperti yang dijalankan oleh Al-Krenawi, Graham & Al-Krena (1997), di mana, isteri pertama akan lebih berasa cemburu dan akan wujud persaingan dalam kalangan isteri. Cuma dalam kes Azura hal ini agak berbeza memandangkan sewaktu beliau mengetahui suaminya telah berpoligami enam tahun telah berlalu tambahan beliau telah pun menjaga anak suami bersama isteri kedua sedari kecil. Kemungkinan perasaan sedih, marah dan cemburu terhadap isteri kedua ada timbul sewaktu suami membawa anak tersebut lalu menyuruh beliau menjaganya. Namun, disebabkan sifat suaminya yang berdiam diri dan beliau sendiri yang tidak mendesak menyebabkan perasaan ini lenyap begitu sahaja.

### **(b) Kognitif**

Pengkaji mendapati, ketiga-tiga responden menerima poligami dalam konteks kognitif yang berbeza. Bagi responden yang bernama Azura, beliau mengalami kesukaran dalam menerima perkahwinan baharu suami secara kognitif sehingga beliau mempersoalkan sama ada diri beliau adalah punca dan faktor yang menyebabkan suami beliau

berpoligami. Beliau juga merasakan bahawa beliau terpaksa berkongsi kasih sayang suami dan berasa risau apabila mengenangkan nasib keluarganya yang akan terabai walaupun beliau mempunyai kerjaya yang kukuh. Lantaran itu, Azura telah membuat keputusan untuk membawa diri beliau dan anak-anaknya ke tempat lain dengan memohon pertukaran tempat mengajar ke Perak. Keputusan itu dibuat bagi mengubat kekecewaan yang beliau rasai selepas mengetahui bahawa suaminya telah berkahwin lagi melalui surat nikah yang ditemui;

...Nak menerima keadaan [perkahwinan baharu] tu memang kata orang separuh gila lah. Kata orang memang kalau terang, memang nampak gelap terus... Rasanya, yang pertama tu akan terabai kan... Tak fikir yang kita ni ada kerjaya. Macam jadi lupa walaupun bekerja...

Bagi responden yang bernama Fatimah, beliau telah bersedia dari segi kognitif untuk menerima perkahwinan kedua suami. Beliau telah cuba mendapatkan sumber seperti bahan bacaan untuk memahami tentang konsep poligami dengan mendalam bagi mempersiapkan sudut kognitif beliau. Fatimah percaya beliau perlu berhati-hati dengan sumber maklumat yang beliau perolehi kerana ia akan sedikit sebanyak mempengaruhi fikiran beliau dan lantas membawa persepsi yang negatif dalam diri. Pemikiran yang terbuka dan positif ini sedikit sebanyak telah membantu Fatimah mencari kelebihan dalam perkahwinan poligami dan menyebabkan beliau tidak lokek dalam berkongsi kasih sayang suaminya;

...Jadi, dari segi mental [kognitif] ni kita dah siapkan la yang kita akan terima madu, akan berkongsi. Kita ingatkan yang kita tak boleh semua kita nak conquer, kita ingat poligami ni bila kata perkongsian tu maksudnya semua kena ambil giliran. Kasih sayang kena kongsi, tapi kasih sayang tu bukannya akan berkurangan pun sebab kasih sayang makhluk tu bukan benda kan sebenarnya...

Berbeza bagi responden yang bernama Sarah, penerimaan secara kognitif ke atas perkahwinan poligami tersebut adalah berbeza. Pada awal perkahwinan poligami, Sarah mengakui beliau berdepan cabaran untuk menyesuaikan diri semasa sesi penyesuaian dalam 3 hingga 4 bulan pertama. Emosi yang sering terganggu dan sifat cemburu yang tidak dapat dikawal menyebabkan beliau sentiasa berfikiran negatif walaupun beliau yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan suami kepada madu. Menurut Sarah, suami beliau menyedari perubahan dalam karenah dirinya itu ketika mula-mula menyesuaikan diri dalam perkahwinan poligami; "...Suami saya pun kata masa tu banyak karenah lah, senang buruk sangka macam tu."

Sesebuah perkahwinan boleh memberikan tafsiran yang positif dan negatif terhadap pasangan (Boerner et al., 2014), kerana perhubungan di antara suami isteri mempunyai hubungan yang rapat dengan kepuasan dan kualiti perkahwinan. Kajian oleh Al-Krenawi, Graham & Ben-Shimol (2006) mendapati, keluarga yang mengamalkan perkahwinan poligami mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan persepsi dan tafsiran yang negatif terhadap perkahwinan berbanding keluarga yang mengamalkan perkahwinan

monogami. Hal ini adalah disebabkan oleh pelbagai isu dan konflik yang dihadapi oleh ahli keluarga terutamanya isteri dalam menyesuaikan diri dalam perkahwinan poligami. Pengkaji mendapati responden yang bernama Azura dan Sarah agak sukar untuk menerima perkahwinan poligami suami secara kognitif kerana timbulnya perasaan takut diabaikan oleh suami dan rasa cemburu terhadap layanan suami kepada isteri kedua. Berbeza bagi responden yang bernama Fatimah, beliau dapat menerima perkahwinan poligami tersebut dengan baik secara kognitif kerana beliau sentiasa mengamalkan konsep pemikiran yang terbuka dan positif dalam perkahwinan poligami yang diamalkan.

### (c) Tingkah laku

Pengkaji mendapati tingkah laku responden dalam menerima perkahwinan poligami adalah berbeza. Azura mula menunjukkan tingkah laku yang kasar kepada suaminya dengan mula berbahasa “engkau” dan “aku” dan tidak lagi mengendahkan suaminya. Beliau juga tidak lagi memasak untuk suami seperti kebiasaannya dan hanya memberikan tumpuan kepada tanggungjawab sebagai seorang ibu kerana risau jika suami beliau mempunyai niat untuk mengambil kesemua anak-anaknya. Oleh kerana bimbang tentang nasib anak-anaknya itu, Azura telah berpindah ke beberapa tempat dan membawa kesemua anaknya. Beliau juga membuat keputusan untuk mengawal pengeluaran gaji suami daripada akaun bank suami supaya nasib keluarga beliau lebih terjamin. Azura juga telah bertindak agresif sehingga pada satu tahap pernah memukul isteri kedua suaminya kerana tidak dapat menerima kehadiran madu beliau;

...Dan saya pernah pukul dia [madu], dah jadi isteri, saya pernah pukul [madu]... Mungkin masa tu niat dia baik, dia datang sini nak berkenalan ke apakan. Tapi saya tak boleh terima, memang saya pukul dia, memang cedera lah...Cuma saya control daripada segi gaji dia...Macam mana saya control, sebab bila dapat gaji melalui bank, jadi saya tukar kad pin, no pin dia, jadi dia tak boleh ambil sendiri gaji dia...

Manakala bagi Fatimah, pengkaji mendapati responden lebih selesa dengan mendiamkan diri jika beliau berasa tidak berpuas hati dan cuba untuk berfikir positif. Beliau percaya setiap perkara yang berlaku terkandung hikmahnya yang tersendiri, oleh itu beliau sentiasa cuba untuk kekal positif dan berserah kepada tuhan. Fatimah juga sedar perkahwinan poligami ini adalah merupakan sesuatu perkara yang baharu baginya, maka beliau perlulah lebih terbuka dalam menerima perubahan;

...Kalau dari segi tingkah laku tu memang lah kita orang ni [beliau dan madu] kalau ada tak puas hati ke apa kan, tak ada lah sampai tarik rambut tidak lah kan, baling pinggan pun tak ada. Cuma senyap je lah dan kita cuba sedaya untuk bawa kembali kepada Allah...

Bagi Sarah pula, penerimaan beliau terhadap perkahwinan poligami ditonjolkan dalam bentuk perubahan sikap dan tingkah laku dirinya yang lebih bersemangat. Sarah mengatakan beliau sentiasa berasa teruja setiap kali tiba waktu giliran suami untuk pulang ke rumahnya. Beliau lebih rajin untuk mengemas rumah dan menghias diri setiap kali tiba giliran suami pulang ke rumah. Beliau juga merasakan perkahwinan



poligami ini dalam masa yang sama telah membantu beliau agar dapat meluangkan masa untuk diri sendiri dengan lebih baik dan berkualiti. Apabila keperluan diri beliau dapat dipenuhi dengan baik, beliau juga dapat memberikan layanan yang terbaik kepada suaminya; "...Ada jugak la, macam kita jadi rajin lebih pulak. Jadi macam bila suami nak balik, kita *excited* kan, wah! rindunya. Jadi, macam kita rajin lah, kemas rumah, rapikan diri. Buat *something* yang berkualiti lah."

Reaksi dan tindak balas isteri pertama terhadap poligami melibatkan tingkah laku dan tindakan yang berbeza. Kajian oleh Slonim-Nevo & Al-Krenawi (2006) mendapati, reaksi isteri pertama dalam keluarga berpoligami yang berfungsi dengan baik adalah keupayaan isteri dalam berserah diri kepada tuhan/ takdir serta sentiasa bersedia dalam berkongsi perkahwinan dengan wanita yang lain. Namun, pada peringkat awal poligami, kebanyakan isteri pertama sering menunjukkan tingkah laku penolakan dan mencetuskan perbalahan (Slonim-Nevo & Al-Krenawi, 2006). Malah, penerimaan terhadap poligami adalah berbeza mengikut, kepercayaan, bangsa dan budaya seseorang (Clignet & Sween, 1981). Dapatan kajian ini juga menunjukkan dua orang responden menunjukkan tingkah laku yang positif dan bertindak untuk memperbaiki diri serta hubungan dengan suami, manakala, seorang responden bertindak agresif kerana risau akan diabaikan oleh suami dan tidak dapat menerima kehadiran wanita lain di dalam perkahwinan tersebut. Setiap pasangan perlu berasa selamat dan dilindungi oleh pasangan kerana ia merupakan komponen terpenting

ke arah kepuasan dan kualiti perkahwinan (Hirschberger et al., 2009).

### **Kesan Terhadap Kesihatan Mental**

Kajian Shepard (2013) menunjukkan, terdapat hubungan yang signifikan dalam keluarga yang berpoligami dengan peningkatan isu kesihatan mental. Daripada hasil temu bual ke atas ketiga-tiga responden, masing-masing mempunyai kesan terhadap kesihatan mental selepas memulakan kehidupan berpoligami. Bagi Azura, perkahwinan poligami tersebut telah memberi kesan yang mendalam di dalam dirinya sehingga beliau perlu mendapatkan rawatan daripada pakar psikiatri untuk merawat kemurungan yang bermula semasa beliau mula menjaga anak yang telah dibawa pulang oleh suaminya. Pada waktu itu, anak bongsu beliau masih kecil dan berumur 5 tahun. Selain daripada rasa tertekan dengan status sebenar anak yang dibawa oleh suami, beliau dalam pada masa mempunyai perasaan bimbang jika suaminya berniat untuk mengambil anak-anaknya yang lain;

...masa jaga anak [yang dibawa pulang oleh suami] tu dah mula murung... Kebimbangan pun ada jugak, masa awal-awal tu... Saya takut dia [suami] datang ambil anak semua bila kita tinggalkan seorang-seorang. Itu yang terjadi menyebabkan saya usung anak sana sini...

Manakala bagi responden yang bernama Fatimah, beliau tidak mengalami sebarang gangguan atau perubahan terhadap kesihatan mentalnya. Namun, responden mengakui terdapat beberapa kesukaran yang dialaminya tetapi ia tidak memberikan tekanan kepada beliau. Fatimah mengatakan bahawa kadang kala beliau akan menangis

apabila suaminya pergi menunaikan giliran di rumah madu tetapi perbuatan tersebut tidak memberi kesan di dalam kehidupan dan aktiviti hariannya;

...saya alhamdulillah tak ada lah kata stres ke apa kan. Sebab saya memang dah set nak berpoligami kan. Cuma ialah ujian-ujian lepas poligami tu yang kita tak boleh nak agak kan. Jadi, alhamdulillah, tak ada lah nak kata sampai jatuh stres kan... Setakat ni tak ada lah nak rasa bimbang macam tu...

Manakala, bagi Sarah beliau mengakui berdepan dengan gangguan emosi pada mulanya, namun ia tidak mempengaruhi kehidupan beliau secara menyeluruh. Menurutnya, pada awal perkahwinan poligami, beliau berasa sedikit tertekan kerana beliau masih di peringkat penyesuaian. Tekanan timbul apabila beliau perlu mengubah rutin harian yang telah beliau amalkan selama 10 tahun semasa hidup bersama suaminya. Tindakan anaknya yang sering bertanya tentang kepulangan bapa juga menjadi salah satu penyebab tekanan bagi diri Sarah;

...rasanya macam emosi turun naik yang jadi marah tu apa semua. Macam murung ke apa kan tak ada... Stres sangat tu macam awal-awal dulu mungkin ada lah masa tempoh penyesuaian...

Poligami sememangnya memberi implikasi kepada kesihatan mental wanita (Shepard 2013; Al-Krenawi, 2001; Al-Krenawai, 2010). Hasil dapatan menunjukkan, dua orang responden, Azura dan Sarah, pernah mengalami simptom kesihatan mental seperti kebimbangan, kemurungan dan tekanan. Simptom tersebut berlaku

disebabkan pemikiran yang tidak rasional seperti suami bawa lari anak dan tinggalkan isteri pertama juga berhadapan masalah adaptasi untuk berkongsi kasih suami dengan wanita lain. Dapatan ini juga menyokong dapatan yang diperolehi oleh Al-Krenawi (2012), di mana kebanyakan wanita yang berstatus isteri pertama lebih berisiko mengalami simptom kemurungan, gangguan somatik dan psikotik.

### **Pendekatan Isteri Pertama Dalam Menerima Poligami Dari Sudut Positif**

Kajian lepas menunjukkan, poligami memberi kesan kepada ketidakfungsian sosial dan psikologikal keluarga (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2002). Jika tidak diuruskan dengan baik boleh membawa kepada masalah emosi, konsep sendiri, penyesuaian sosial dan tingkah laku negatif (Al-Krenawi & Lightman, 2000; Owuamanam, 1984). Hasil temu bual pengkaji terhadap ketiga-tiga responden dalam mengenal pasti pendekatan yang digunakan dalam meningkatkan penerimaan kehidupan poligami dalam konteks yang positif menunjukkan kaedah yang hampir sama bagi ketiga-tiga responden.

Bagi Azura, beliau mendapatkan kekuatan dan semangat untuk meneruskan poligami menerusi sokongan daripada teman yang rapat di sekeliling beliau seperti rakan sekerja, kawan karib, jiran dan ahli keluarga. Beliau mengakui, kehadiran teman-teman ini membantu beliau dalam sentiasa mencari kekuatan dalam diri serta memupuk pemikiran yang lebih positif. Malahan, beliau dapat menerima dan menjaga anak yang dibawa oleh suaminya atas nasihat daripada rakan sekerja beliau. Responden

juga telah berkongsi masalah tersebut berbanding memendam perasaan secara bersendirian; "...hmm... cuma, kata orang yang kuat bagi semangat kepada saya iaitu bekas guru besar saya, bekas penolong kanan, lepas tu arwah mak saya dan ayah saya..."

Manakala, responden yang bernama Fatimah menyatakan, sumber sokongan dan motivasi untuk terus kuat adalah melalui aktiviti seharian dan pembacaan serta tidak terlalu melayani perasaan. Menurut beliau, suasana persekitaran mudah untuk mempengaruhi emosi diri seseorang termasuklah melalui drama yang ditonton di dalam kaca televisyen;

...Tapi tu lah, kita baca bahan yang baik-baik dan elakkan daripada tengok benda yang macam membawa minda kita buruk, bawak persepsi buruk. Sebab kekadang ni daripada penyertaan di dalam kumpulan isteri-isteri pertama seperti di laman sosial dan aplikasi *Whatsapp*; "Saya ada *support group* untuk orang-orang yang berpoligami bagi isteri-isteri pertama. Jadi dalam *support group* tu banyak la dapat nasihat, pengalaman, haa macam tu lah..."

Dalam mengekalkan hubungan perkahwinan yang lebih lama, amalan berkongsi pengalaman dan membentuk hubungan komunikasi dengan dunia luar dapat mengekalkan kualiti perhubungan (Ochoa & Sen, 2007). Poligami juga boleh dijalani dengan lebih baik jika konsep egalitarian, mempunyai matlamat dan set peraturan dapat dicapai secara konsisten (Davis, 2010). Kajian lain juga mendapati, sumber kekuatan utama untuk isteri kekal dalam poligami adalah disebabkan faktor anak-

kita tengok drama... apa yang kita lihat, kita fikir, kita dengar tu semua mempengaruhi. Kadang tengok drama tu cerita pasal poligami, gaduh-gaduh pun kita boleh emosi... Sepatutnya dia tak jadi begitu, itu yang kita jangan layan lah maksudnya. Bila kita layan, dia akan jadi teruk macam tu. Kadang-kadang ada benda tu berlaku berdasarkan prasangka kita je...

Dalam pada itu, pendekatan yang digunakan oleh Sarah sama seperti Azura, di mana beliau cuba mengalihkan tekanan tersebut dengan melakukan perkara yang disukai seperti menonton cerita dan mencari bahan bacaan. Cara tersebut sedikit sebanyak membantu beliau agar tidak terlalu berfikir tentang perkara yang mengganggu dirinya. Sarah juga banyak mendapatkan sokongan dalam konteks yang lebih luas (Merket, 2009).

anak (Slonim-Nevo & Al-Krenawi, 2006), hubungan cinta dengan suami dan kerjasama yang baik dengan isteri kedua (Troy, 2008) serta mengurangkan prejudis, set pemikiran secara peronal (tidak dipengaruhi) dan cuba memahami poligami

### Kesimpulan

Penerokaan terhadap keluarga yang berpoligami perlu dikaji dengan lebih terperinci. Mengubah iklim rumah tangga daripada monogami kepada poligami bukanlah satu perkara yang mudah. Pelbagai aspek, peranan dan risiko perlu diteliti dan diambil kira oleh suami. Implikasinya kepada isteri pertama adalah sangat besar dan boleh membawa kepada konflik dan krisis rumah tangga yang berpanjangan sekiranya soal kebajikan, keselamatan dan

perlindungan termasuk emosi dan fizikal tidak diambil berat oleh suami. Dapatan kajian menunjukkan, isteri pertama mengalami perubahan perasaan yang ketara sehingga berisiko mengalami gejala yang boleh menjejaskan kualiti kesihatan mental isteri. Perubahan perasaan yang dialami oleh isteri pertama biasanya disebabkan oleh kehadiran isteri kedua kerana dikhuatiri status sebagai isteri pertama akan tergugat (M'Salha Mohammed, 2001). Walau bagaimanapun, ada sebahagian isteri pertama mendapat layanan yang baik dan adil selepas berpoligami, namun, isteri pertama masih lagi menyimpan perasaan negatif apabila suami memberikan perhatian kepada isteri kedua. Isteri pertama yang berada dalam tekanan dan mempunyai emosi yang tidak stabil adalah disebabkan kurangnya mendapat sokongan dan perhatian daripada suami (Provytantini, 2007). Justeru, sokongan suami dan sikap keterbukaan dalam perkahwinan amat penting untuk tujuan berpoligami. Dalam masa yang sama, cadangan kajian pada masa akan datang perlu meneroka dengan mendalam tentang konteks hubungan suami dengan isteri pertama dan kedua juga ketiga atau keempat (jika ada) serta melibatkan setiap ahli keluarga dalam memberikan pandangan serta sikap terhadap kehidupan berpoligami. Diharapkan dapatan kajian ini juga berupaya membantu ahli profesional seperti kaunselor dan terapis dalam usaha untuk lebih memahami soal poligami serta menjadi lebih kompeten dalam mengendalikan kes berkaitannya.

## Rujukan

- Al-Krenawi, A., Graham, J. R., & Jacobsen, B.S. (2006). Sivan Attitudes Toward and Reasons for Polygamy Differentiated by Gender and Age Among Bedouin-Arabs of the Negev. *International Journal of Mental Health, 35*(1), 46-61.
- Abou-Saleh MT, Ghubash R, Daradkeh TK (2001). Al Ain community psychiatric survey. I. Prevalence and socio-demographic correlates. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology 36*, 20–28.
- Al-Krenawi, A., Graham, J. R., & Al-Krena, S. (1997). Social Work Practice with Polygamous Families. *Child and Adolescent Social Work Journal, 14*(6), 445-458.
- Al-Krenawi, A., & Lightman, E. (2000). Learning achievements, social adjustment and family conflicts among Bedouin-Arab children from polygamous and monogamous families. *Journal of Social Psychology, 140*, 345–355.
- Al-Krenawi, A. (2001). Women from Polygamous and Monogamous Marriages in an Out-Patient Psychiatric Clinic. *Transcultural psychiatry, 38*(2), 187-199.
- Al-Krenawi, A., & Slonim-Nevo, V. (2008). Psychosocial and familial functioning of children from polygynous and monogamous families. *The Journal of social psychology, 148*(6), 746-764.
- Al-Krenawi, A. (1999). Women of polygamous marriages in primary health care centers. *Contemporary Family Therapy, 21*(3), 417-430.
- Al-Krenawi, A. (2012). A study of psychological symptoms, family function, marital and life satisfactions

- of polygamous and monogamous women: The Palestinian case. *International Journal of Social Psychiatry*, 58(1),79-86.
- Al-Sherbiny, L. A. M. (2005). The case of first wife in polygamy: description of an Arab culture-specific condition. *Arabpsynet eJournal*, 8,1-9.
- Azizah Kassim. (1985). *Wanita dan Masyarakat*. KL: Utusan Publications & Distributors.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Boerner, K., Jopp, D. S., Carr, D., Sosinsky, L., & Kim, S. K. (2014). His and her marriage? the role of positive and negative marital characteristics in global marital satisfaction among older adults. *Journals of Gerontology - Series B Psychological Sciences and Social Sciences*, 69(4), 579-589.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan: Kaedah Dan Statistik Penyelidikan, Buku 1*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Davis, A. D. (2010). Regulating Polygamy: Intimacy, Default Rules, And Bargaining for Equality. *Colombia Law Review*, 110(8), 1955-2046.
- Daradkeh, T. K., Alawan, A., Al Ma'aitah R, Ootom, S. A. (2006). Psychiatric morbidity and its sociodemographic correlates among women in Irbid, Jordan. *Eastern Mediterranean Health Journal*, 12, 107-117.
- Clignet, R., & Sween, J. A. (1981). For a Revisionist Theory of Human Polygyny. Signs: *Journal of Women in Culture and Society*, 6 (3), 445-468.
- Gwanfogbe, P. N., Schumm, W. R., Smith, M., & Furrow, J. L. (1997). Polygyny and Marital Life Satisfaction: An Exploratory Study from Rural Cameroon. *Journal of Comparative Family Studies*, 28(1): 55-71.
- Hirschberger, G. S., Sanjay, M., Penny, C., & Cowan, P. A. (2009). Attachment, marital satisfaction, and divorce during the first fifteen years of parenthood. *Personal Relationships*, 16(3), 401-420.
- Owuamanam, D.O. (1984). Adolescents' perception of the polygamous family and its relationship to self-concept. *International Journal of Psychology*, 19, 593-598.
- Ozer, A, Orhan, F. O. & Ekerbicer, H. C. (2013). Sociodemographic variables and depression in Turkish women from polygamous versus monogamous families. *Health care for women international*, 34(11), 1024-1034..
- Ochoa, R., & Sen, A. (2007). The calm after the storm. *ABB Review*, 33(1), 11-15.
- Kyara, C. V. J. (2013). New Evangelization and the Incidence of Polygamy. *Journal of Hekima University College*, 48,41-48.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2008). Poligami dan gender dalam Tok Guru karya Shahnnon Ahmad dan Pujangga Melayu Mohd. Afandi Hassan. *Akademika*, 74(1), 3-20.
- M'Salha Mohammed. (2001). Qu'en est-il Aujourd'hui de la Polygamie et de la Repudiation en Droit Marocain? *Revue Internationale de Droit Compare* 53: 171-182.

- Merket, A. M. (2009). Happiness in Plural Marriage : An Exploration of Logic. *Arrington Student Writing Award Winner,3*.
- Slonim-Nevo, V., & Al-Krenawi, A. (2006). Success and failure among polygamous families: The experience of wives, husbands, and children. *Family Process*, 45(3), 311-330.
- Shepard, L. D. (2013). The impact of polygamy on women's mental health: a systematic review. *Epidemiology and psychiatric sciences*, 22(1), 47-62.
- Provytantini, A. D. (2007). *Dinamika Emosi Pada Perempuan Yang Dipoligami (Studi Kasus Pada Istri Pertama)*. Universitas Airlangga, Jawa Timur, Indonesia.
- Raihanah Abdullah. (1997). Poligami di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 5(2), 167-186.
- Troy, L. E. (2008). *Factors Related to the Marital Satisfaction of Malian Women in Polygamous marriages*. School for International Training Mali: Gender, Health, and Development.
- Yin, R.K., (1984). *Case Study Research: Design and Methods*. Beverly Hills, Calif: Sage Publications.
- Zaidah Zainal (2007).Case study as a research method. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 2-6.